



a) **Dokumen Tambahan**

i) **Dokumen-Dokumen Berkaitan (JTK Temuduga)**

1.	Perjanjian / Kontrak Perkhidmatan yang diberikan kepada pekerja yang digajikan (3 orang pekerja tempatan & 3 orang pekerja asing – bagi jawatan terendah di dalam syarikat)
2.	Penyata Gaji Pekerja (3 bulan terkini bagi 3 orang pekerja tempatan & 3 orang pekerja asing bagi pekerja sama yang dipilih mengikut surat perjanjian yang dilampirkan)
3.	Ringkasan Gaji (Payroll Summary) bagi 3 bulan terkini
4.	Surat Arahan Bank bagi bayaran gaji pekerja untuk pekerja asing semasa (3 bulan terkini)
5.	Senarai Cuti Umum yang digazetkan oleh syarikat bagi tahun yang dipohon
6.	Record Kerja Lebih Masa yang dilakukan pekerja (3 bulan terkini beserta formula pengiraan kerja lebih masa bagi semua pekerja)
7.	Permit- permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (Contoh permit potongan gaji / kerja lebih masa / wanita kerja malam / gaji lewat / syif tetap)

ii) **Dokumen- Dokumen Berkaitan Penginapan Pekerja**

1.	Sijil Layak Menduduki (CF) yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (bagi Sektor Perladangan / Pertanian yang melebihi 20 hektar atau Sektor Perlombongan)
2.	Surat Sokongan Penginapan Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh Bahagian Kualiti & Keselamatan Pembinaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (bagi Sektor Pembinaan)
3.	Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan / Certificate of Completion and Compliance (CCC) atau Kelulusan Permit Bangunan (bagi bangunan kediaman sementara) atau kelulusan menukar kegunaan bangunan daripada bangunan bukan kediaman kepada bangunan untuk tujuan kediaman yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (selain daripada Sektor Perladangan / Pertanian yang melebihi 20 hektar atau Sektor Perlombongan atau Sektor Pembinaan)
4.	Perjanjian Sewa antara majikan dan pemilik rumah (sekiranya kediaman yang disediakan disewa)
5.	Gambar Rumah iaitu keseluruhan rumah, ruang tamu, ruang dapur, bilik mandi, tandas dan bilik tidur

iii) **Dokumen-Dokumen Berkaitan Tandatangan Aku Janji Majikan (Asal Dan Salinan)**

1.	Salinan Kad Pengenalan Pemilik / Pengarah Syarikat / rakan kongsi /pengerusi atau setiausaha (koperasi)
2.	Borang 49 SSM / Borang B & D SSM / Sijil dari pejabat koperasi
3.	Cop nama dan alamat majikan – untuk cop pada dokumen Aku Janji Majikan
4.	Jika mewakili majikan, dokumen tambahan yang perlu dibawa adalah seperti berikut: - Kad pengenalan - Penyata caruman KWSP / Borang B yang terkini (sekurang-kurang 3 bulan) - Surat Wakil Kuasa (jika wakil) dari Pengarah Urusan Syarikat / Ketua Operasi Syarikat (COO) / Ketua Eksekutif Syarikat (CEO) yang memberi kuasa kepada wakil Untuk Menandatangani surat Aku Janji Majikan